

04 JAN 2002

UNDP/I

UNDP AKAN TUMPU PADA PROGRAM PEMBANGUNAN BERKAITAN ICT DI M'SIA

PUTRAJAYA, 4 Jan (Bernama) -- Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) berkata ia akan menumpukan pada program pembangunan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang.

Koordinator Residen Operasi UNDP di sini, Maxine E. Olson, berkata agensi itu berpendapat banyak yang boleh dilakukan dalam bidang ICT terutamanya daripada segi memperbaiki kualiti hidup.

"Kami akan mengendalikan apa yang kami panggil "merapatkan jurang digital"

-- menjadikan ICT kemungkinan dapat dimanfaatkan oleh semua di Malaysia," katanya.

Kerajaan Malaysia, katanya telah memberikan keutamaan kepada ICT dan oleh kerana banyak yang telah dilakukan, UNDP berpendapat ia patut menekankan pada ICT yang melibatkan individu dan kualiti hidup mereka.

Olson, yang dilantik untuk memegang jawatan itu pada pertengahan tahun lepas, bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan watakah pelantikannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada perjumpaan itu, beliau membincangkan secara ringkas dengan Dr Mahathir mengenai perancangan UNDP di negara ini bagi tempoh lima tahun akan datang.

"Kami juga akan fokus dan membincangkan isu-isu mengenai alam sekitar, jantina, HIV dan Aids, dengan kerajaan dan agensinya," katanya.

Olson berkata UNDP telah wujud di Malaysia sejak 1957 dan telah mengadakan pelbagai program kerjasama teknikal dengan kerajaan sejak itu.

Beliau berkata isu-isu yang UNDP kaji di negara ini berubah mengikut perkembangan masa berikutan keperluan dan keutamaannya berubah.

"Malaysia merupakan satu daripada contoh cemerlang kejayaan daripada segi pembasmian kemiskinan. Ini merupakan satu contoh yang patut diteladani oleh banyak negara lain," katanya.

Olson, 53, yang berkelulusan Doktor Falsafah dalam geografi pertanian, juga pada masa ini adalah timbalan kepada pegawai bertugas di Biro Serantau UNDP bagi Asia dan Pasifik.

Tugas-tugas beliau termasuk menyelia kerja biro serantau bagi 25 pejabat Negara Asia dan Pasifik dan menyusun elemen awal rangka kerja baru berdasarkan konsep pengurusan berasaskan keputusan dan penilaian lanjutan bagi kebertanggungjawapan struktur pengagihan.

Olson juga merupakan timbalan pengarah Tabung Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Wanita (UNIFEM) dari 1995 hingga 1998, semasa beliau menerajui pembangunan pengurusan sistem maklumat bagi menyepadukan aspek-aspek pengurusan dan kewangan program itu.

Olson juga fasih dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Portugis.

-- BERNAMA

NZ NZ RHM